

27 DEC 2000

Mahathir-Melayu

DR MAHATHIR TOLAK PENDAPAT ORANG MELAYU BERSATU DI BAWAH PAS

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Menolak pendapat yang orang Melayu bersatu di bawah PAS, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti pembangkang itu hanya mampu menerap kebencian terhadap kerajaan pada masyarakat.

"Saya rasa mereka tidak bersatu di bawah PAS," kata beliau sebagai respon kepada laporan media asing baru-baru ini yang Umno tidak lagi dapat membawa undi Melayu seperti yang dapat dilihat daripada keputusan pilihan raya kecil Lunas yang dimenangi oleh calon Parti Keadilan Nasional, Saifuddin Nasution Ismail.

Semasa bercakap dalam temubual eksklusif bersama BERNAMA di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya semalam, presiden Umno itu berkata PAS berjaya dalam menerapkan rasa benci terhadap kerajaan pada masyarakat Melayu melalui kempen benci mereka, selama lebih 30 tahun.

"Apabila orang membenci, mereka tidak lagi nampak sebab sebenar," katanya.

Beliau berkata, sehinggakan PAS sendiri memberitahu orang Melayu yang mereka tidak perlu berterima kasih terhadap sesiapa yang memberikan mereka sesuatu.

Dr Mahathir berkata, sementara kerajaan membantu masyarakat itu dengan menyediakan pendidikan lebih baik dan peluang untuk menjadi profesional, PAS sebaliknya menyeru mereka supaya tidak berterima kasih kepada kerajaan.

PAS memberitahu mereka yang apa yang dilakukan kerajaan adalah hak mereka, katanya.

Perdana Menteri berkata, "ajaran" begini oleh PAS telah memengaruhi pemikiran pemuda Melayu khususnya.

Semasa temubual selama sejam itu, Dr Mahathir juga ditanya mengenai punca di sebalik kekalahan tipis Barisan Nasional (BN) di pilihan raya kecil Lunas dan masalah dalaman Umno.

Ditanya jika pucuk pimpinan bertanggungjawab terhadap masalah dalaman Umno, Dr Mahathir berkata beliau sendiri bertanggungjawab terhadap apa-apa kelemahan parti.

"Akhirnya, saya yang bertanggungjawab. Tetapi jika apa-apa berlaku di situ bukan kerana satu sahaja sebab. Terdapat pelbagai sebab," kata beliau.

Dalam kes kekalahan di Lunas, Umno di kawasan itu lemah kerana di mana sahaja calonnya bukan Melayu, bukan orang Umno, kita lemah.

Di mana seorang Umno menjadi calon, Umno memang kuat.

Saya mesti berkata di sini bahawa terdapat kelemahan dalam organisasi dan lebih-lebih lagi terdapat isu-isu seperti kaum Cina menolak konsep Sekolah Wawasan.

Terdapat banyak faktor yang telah menyebabkan kekalahan di Lunas dan kita berharap faktor-faktor ini akan dapat diperbetulkan.

Ditanya sama ada kekalahan BN adalah juga kerana kurangnya kordinasi di kalangan parti-parti komponen, Dr Mahathir yang juga pengerusi BN bersetuju yang sokongan tempatan yang lemah, khususnya daripada segi mengatur ceramah.

"Lebih-lebih lagi dengan penyokong-penyokong pembangkang yang telah membanjiri Lunas kira-kira tiga atau empat kali ganda populasi Lunas," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

ES ES PR